

12/09/1997

Syarikat besar, IKS wajar ambil peluang

Zam Zam Omar in Ulan Bator, Mongolia

SYARIKAT multinasional, industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya di sektor pembuatan yang berintensifkan buruh, wajar mengambil peluang mengeluarkan atau memasang barangan mereka di Mongolia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata syarikat Malaysia boleh menggunakan tenaga buruh murah di Mongolia, berikutan kira-kira 29 peratus penduduknya menganggur di samping menggunakan peluang negara ini yang bertaraf bebas cukai.

Barangan Malaysia boleh dipasarkan ke dua pasaran besar, timur Russia dan barat China dengan menggunakan Mongolia sebagai pusat pengedarannya, yang mempunyai sistem perhubungan keretapi terus ke kedua-dua negara itu.

Rafidah turut menyarankan syarikat pembuatan Malaysia berintensifkan buruh memindahkan sebahagian daripada operasi pengeluaran ke negara ini kerana mereka boleh menjimatkan kos dengan menggunakan bahan mentah yang diimport dari China, Korea atau Jepun.

"Syarikat terbabit juga boleh menghantar terus barangan siap dari Malaysia bergantung kepada kesesuaian kos, ke gudang cukai bebas yang akan didirikan masing-masing di kawasan sempadan negara ini dengan China dan Russia, secara usaha sama oleh syarikat Malaysia Sriwani Sdn Bhd dan sebuah syarikat Mongolia."

"Gudang ini bukan saja boleh digunakan untuk mengeksport barangan yang dibawa masuk dari luar ke Mongolia tetapi juga bagi barangan yang boleh dipasang di sini," katanya kepada wartawan Malaysia semalam.

Beliau berkata, Kerajaan Mongolia juga memberitahu sudah membuat beberapa kajian pasaran di Rusia yang hasilnya boleh digunakan syarikat Malaysia untuk mengenal pasti kedudukan pasaran yang berpotensi.

Rafidah yang melihat Mongolia berpotensi untuk diterokai sektor swasta Malaysia bagaimanapun mengingatkan ahli perniagaan berusaha mencari rakan usaha sama bagi melicinkan perjalanan projek.

Beliau yang ada di Ulan Bator kerana menyertai rombongan lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mongolia mahu syarikat Malaysia melihat peluang di negara ini lebih kepada faedah jangka panjang.

Kira-kira 60 ahli perniagaan Malaysia turut serta dan Rafidah yakin, mereka sudah mengenal pasti rakan yang boleh diadakan projek usaha sama iaitu hasil pertemuan dua hari di Ulan Bator.

Bagaimanapun, Rafidah meminta syarikat Malaysia membuat susulan dengan Matrade dan kementeriannya berhubung maklumat dan kelicinan kerja.

Menurutnya, syarikat seperti Malaysian Electrical Corporation (MEC) adalah antara yang dicadang dan dilihat berpotensi memindahkan sebahagian daripada operasi pengeluarannya ke negara ini.

Beliau juga berkata, bagi IKS khususnya, mereka ada banyak peluang mengeluarkan dan memasarkan produk pengguna termasuk bagi kelas menengah di Mongolia sendiri.

"Jumlah penduduknya kecil iaitu hanya 2.4 juta orang dan pasarannya mungkin kecil bagi syarikat multinasional tetapi mewujudkan peluang cukup baik bagi IKS," katanya.

Rafidah juga berkata, syarikat Malaysia turut dicadangkan mengeksplotasi sumber mineral atau logam di negara ini, antaranya sumber arang baru yang agak besar, tetapi tidak banyak diterokai kerana syarikat di negara ini kekurangan modal.

Menurutnya, syarikat Malaysia menerusi konsortium atau kerjasama dengan syarikat tempatan boleh mengeksplotasi sumber itu bagi dipasarkan ke

China yang banyak menggunakan bahan itu.
(END)